

PENCIPTAAN ISTILAH DAN AKAL BUDI MELAYU

Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin

Dr. Junaini Kasdan

(Malaysia)

Abstrak

Kemajuan sesuatu bangsa selari dengan perkembangan ilmu yang dibina oleh bangsa itu sendiri. Sehubungan dengan itu, peristilahan dibentuk bagi menyokong perbendaharaan kata bagi setiap ilmu yang dikembangkan. Bagaimanakah orang dahulu mencipta istilah sebelum adanya rumus dan peraturan? Pasti ada kaedah tersendiri yang membantu bijak pandai dahulu kala mencipta istilah. Kelahiran ratusan kitab karya agung membuktikan bahawa masyarakat dahulu sudah boleh mencipta dan membina istilah. Daripada penelitian, masyarakat Melayu dahulu mencipta istilah berdasarkan pengalaman mereka berinteraksi dengan alam. Dari situ mereka mengkonseptualisasi selaras dengan gaya hidup Melayu yang banyak bermetafora. Contohnya, penggandaan separa seperti *rembut* (istilah biologi), *tetikus*, *tetingkap*, *kekunci*, *sesawang* (istilah teknologi maklumat) ialah hasil pembinaan istilah daripada struktur dan rumus bahasa Melayu. Konsepnya bukan berkenaan makna jumlah yang banyak, tetapi ‘menyerupai’ dan ‘berperanan seperti’. Hasilnya banyak istilah terbentuk dan pada masa yang sama mengekalkan ragam kemelayuan. Ini dapat dikaitkan dengan akal budi Melayu (intelektual Melayu). Contohnya, daripada peribahasa kita dapat lihat rantaian ilmu. ‘kecil tapak tangan, nyiru saya tадahkan’ akan berkait dengan ‘api dalam sekam’. Di sini kita akan dapat hasilkan bukan sahaja nasihat, tetapi bagaimana manusia Melayu menguruskan bahan buangan (sekam) dan pada masa yang sama menjana ekonomi (membakar tembikar). Ini semuamampu menghasilkan istilah yang berkaitan dengan ilmu yang hendak disampaikan. Inilah yang dikatakan perekayasaan bahasa. Melalui perekayasaan bahasa kita akan dapat terus melestarikan bahasa kita agar terus segar dan relevan.

Kata kunci: perekayasaan, lestari, akal budi, rantaian ilmu, peristilahan

1.0 Pengenalan

Bahasa akan berdiri teguh selagi ada penggunanya yang aktif. Penghasilan kosa kata yang baru seiring dengan perkembangan semasa pasti akan mengukuhkan lagi sesebuah bahasa itu. Dengan itu, pemupukan inovasi perlu dilakukan demi kelangsungan sesebuah bahasa. Namun, perkembangan bahasa harus dikawal dan ditapis dengan teliti agar kemasukan unsur asing, kependekan (seperti bahasa *SMS*, *Whatsapp*, *Twitter* dan lain-lain) kesan daripada permainan bahasa dan komunikasi pantas hari ini, terbatas. Kesan komunikasi yang pantas ini juga akan membawa masuk istilah-istilah baharu ciptaan golongan sosial ini. Ini juga memerlukan tapisan.

Kertas ini ingin melanjutkan huraian mengenai peristilahan BM, kehebatan, kebijaksanaan penutur dan penggunanya sejak dahulu kala. Kertas ini juga ingin membuktikan dua perkara:



- i. bahawa penciptaan istilah berasaskan pengalaman dan analogi berjaya menghasilkan peristilahan yang mesra pengguna serta sesuai dengan konsep istilah yang hendak dibawa;
- ii. bahasa kiasan yang dipunyai masyarakat Melayu sarat dengan pengajaran dan bukannya dicipta secara ‘melepaskan batuk di tangga’. Banyaknya ilmu dan istilah tercipta yang boleh dipelajari dan dijadikan iktibar, sekali gus boleh menimbulkan rasa keyakinan terhadap bahasa kita sendiri.

Kertas ini akan memaparkan contoh dan keterkaitan antara ilmu dan penciptaan istilah. Sesungguhnya penciptaan itu bukan secara semberono tetapi mempunyai pola dan sistem yang teratur.

Perihal pembinaan ilmu, pelestarian dan perekayasaan

Ilmu sentiasa berkembang. Dalam ilmu linguistik ada tiga kepadaan (*adequacy*) yang mesti dipatuhi bagi memastikan kajian itu berpada, iaitu pencerapan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan penjelasan (*explanatory*). Selalunya kajian linguistik dilengkapi dengan teori yang mampan. Begitu juga dengan penyelidikan BM. Perlu ada teori yang baik bagi menjelaskan fenomena bahasa dengan meyakinkan. Persoalannya adakah kita cukup sekadar dengan teori sogokan yang diberikan oleh barat. Tidak perlukan kita bergerak dalam acuan sendiri. Ini pernah ditegaskan oleh Azhar (1993) bahawa kita mempunyai acuan sendiri untuk menilai bahasa kita sendiri. Zimmerman (2012) mengatakan:

A scientific theory is not the end result of the scientific method; theories can be proven or rejected, just like hypotheses. Theories can be improved or modified as more information is gathered so that the accuracy of the prediction becomes greater over time.

Dalam hal ini kita dapat ada teori yang telah ada boleh kita baiki dengan mengetahahkan apa yang telah kita temui dalam penyelidikan bahasa kita. Kita harus mencrap, mengutip data, merekod, menguji, membina hipotesis, diuji lagi dan akhirnya terbentuklah teori. Mungkin belum sampai ke peringkat mencipta teori baharu tetapi mengubah pendekatan supaya lebih serasi dengan sifat bahasa kita adalah munasabah. Di sini pembinaan ilmu boleh dilakukan. Apakah tujuan perubahan dilakukan? Tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan perekayasaan ilmu terus berlaku supaya sentiasa segar. Mereka yasa bermaksud menerapkan unsur-unsur ilmu, budaya, dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja, dan lain-lain sebagai asas melaksanakan sesuatu (Kamus Dewan Edisi 4: <http://prpm.dbp.gov.my>). Dalam konteks penyelidikan bahasa unsur-unsur ini penting bagi melestarikan bahasa itu sendiri. Mengapa perlu kepada pelestarian? Pelestarian adalah untuk memastikan bahasa terus hidup dan relevan. Tetapi pelestarian ini selalunya mempunyai konflik yang tersendiri. Richard Wilk (2010) dalam artikelnya bertajuk, '*Consumption embedded in culture and language: implications for finding sustainability*' mengatakan adalah sukar untuk menemukan keserasian antara penyelidik, pembuat dasar dan masyarakat.

There are a number of obstacles in translating academic research and theoretical insights into practical recommendations for policy and effective messages for public and educational purposes. The ways trained scientists



and social scientists think about problems are often far from the ways the same issues appear in public discourse (R.Wilk 2010).

Perkara yang digambarkan di atas itu memang bertepatan dengan cara kerja kita menangani istilah contohnya. Jika kita himbau semula garis panduan penyediaan istilah, kita harus mendahuluikan istilah tempatan, sedialek, kemudiannya serantau. Dan jika kita perhatikan juga banyak istilah yang menggunakan bahasa tempatan berbanding hari ini. Kertas ini akan menyenaraikan usaha gigih sarjana dan pakar bidang dalam membentuk istilah berakal budi Melayu.

Penciptaan Peristilahan Berasaskan Pengalaman dan Analogi

Sesuai dengan perkembangan bahasa Melayu, proses penggubalan istilah secara terpadu dan terancang di DBP telah bermula sejak tahun 1956. Melalui kaedah penggubalan istilah bahasa Melayu yang sedia ada, Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu, (1972, 2004) istilah boleh dibentuk melalui proses pengimbuhan, pengakroniman, penyingkatan, peluasan makna, penyempitan makna dan penggandaan, termasuk penggandaan separa. Bagi pembentukan istilah berdasarkan kata ganda, ia boleh berfungsi sebagai penyingkatan daripada bentuk ganda kepada separa ganda.

Pada masa yang sama, istilah yang menggunakan kata ganda separa juga boleh mengubah makna tetapi dari segi kognitifnya tetap mempunyai pertalian makna yang boleh difahami pengguna bahasa. Kedua-dua jenis istilah ini menggunakan kaedah analogi, satu yang mengekalkan maksud dan satu lagi yang mengubah maksud. Kata ganda separa lazimnya ditakrifkan sebagai kata ganda yang mengalami pengulangan suku kata pertama pada kata asalnya dan semua kata ganda separa terdiri daripada kata nama. Bagi membentuk kata ganda separa, bunyi vokal pada suku kata pertama, biasanya berubah menjadi vokal yang dilambangkan dengan lambang /★/. Nik Safiah et. al (2004) mencatatkan bahawa kata ganda separa ialah proses yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar boleh terdiri daripada kata tunggal atau kata terbitan. Penggandaan separa boleh dibahagikan kepada dua, iaitu penggandaan separa kata berimbuhan dan penggandaan separa kata tunggal. Dalam bentuk penggandaan separa kata berimbuhan biasa ditemukan kata “tari-menari”, “kejar-mengejar”, “jeling-menjeling”, “cari-mencari” dan “sabung-menyabung”. Sedangkan dalam bentuk kata tunggal pula, biasa ditemukan kata “lelaki”, “tetamu”, “dedaun”, “pepohon”, “sesibur” dan “kekabu” bagi menggantikan kata “laki-laki”, “tamu-tamu”, “daun-daun”, “pohon-pohon”, “sibur-sibur” dan “kabu-kabu”. Penggandaan separa yang berlaku pada kata dasar tunggal, lazimnya melibatkan pengulangan suku kata pertamanya sahaja dan letak gandaannya pada bahagian sebelum kata dasar. Vokal dalam bentuk gandaan ini mengalami proses pelemahan dan menjadi vokal e pepet /★/. Contohnya,

laki ---> *lalaki* --->*lelaki* [l★laki]
siku --->*sisiku* --->*sesiku* [s★siku]
jari --->*jajari* --->*jejari* [d★d★a★i]

Dari segi maknanya, penggandaan separa yang dicontohkan tidak membawa maksud jamak, sebaliknya ia boleh saja dalam bentuk tunggal atau jamak. “Sibur-sibur” atau “sesibur” misalnya tetap disebut “sesibur” sama ada seekor atau banyak.



Dalam perkembangannya, walaupun pembentukan penggandaan separa ini tidak begitu produktif, namun pengguna bahasa yang kreatif, sama ada secara sedar atau tidak berusaha untuk mewujudkan bentuk yang sama. Contohnya, ada kata “peparu” dari kata paru-paru, “lelabah” dari kata labah-labah atau “sesemut” dari kata semut-semut. Secara mudahnya, proses pembentukan kata yang sedemikian dapat dijelaskan melalui analogi. Pengguna bahasa sering kali bertanya, “jika ada bentuk yang sedemikian, mengapa tidak boleh ada bentuk yang sedemikian pula?” untuk menjelaskan sesuatu makna. Contohnya, kalau ada kata “dedaun” mengapa tidak boleh ada kata “pepohon” atau “bebuah”? Jika ada kata “sesibur”, mengapa tidak boleh ada kata “rerama” atau “sesumpah”? sedangkan bentuknya sama dan makna tidak berubah.

Selain daripada bentuk kata ganda separa yang tidak mengubah makna asal, seperti yang dicontohkan di atas, terdapat juga kata ganda separa dalam bahasa Melayu yang berubah bentuknya. Contohnya, “kekuda” dari kata “kuda-kuda” yang maksudnya bukan ada banyak kuda atau kuda yang sebenar. Sebaliknya “kekuda” menunjukkan sesuatu yang mempunyai sifat yang kuat seperti kuda. Dalam pembinaan rumah Melayu lama sudah ada kata “kekuda” untuk menyokong bumbung rumah, atau “kekuda” dalam kegiatan silat Melayu. Begitu juga dengan kata “tetupai” yang melekat di dinding rumah. Kata tersebut bukanlah tupai yang boleh melompat dari satu dahan ke satu dahan yang lain, melainkan suatu penyangga yang dilekapkan pada dinding untuk menyangga sesuatu, yang konsepnya sama dengan tupai sebenar, yang boleh melekat didahan. Daripada proses analogi, maka muncullah bentuk-bentuk istilah gandaan separa seperti “lelangit”, “sesungut”, “sesekat”, atau “sesalur”.

Dalam konteks peristilahan bahasa Melayu, kata ganda separa dibentuk secara sedar oleh penggubal istilah untuk mendukung konsep yang tersendiri, iaitu “menjelaskan konsep menyerupai sifat, bentuk atau rupa; memiliki fungsi yang sama dengan objek atau benda yang asal”. Istilah-istilah tersebut bukan sahaja digunakan dalam bidang ilmu jati, tetapi juga dalam bidang sains dan teknologi. Contohnya, dalam bidang Teknologi Maklumat, pengguna bahasa sering menemukan kata “sesawang” (*web*), “tetikus” (*mouse*), “tingkap” (*window*), “kekunci” (*key*), “jejaring” (*web*), “rerumah” (*home*), “pepijat” (*bug*) dan sebagainya.

Hal ini turut dijelaskan oleh Puteri Roslina (2012) dalam bukunya, *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu*. Beliau mencatatkan bahawa penggandaan merupakan satu kaedah membentuk istilah daripada kata jati Melayu. Bentuk ini biasanya digunakan untuk istilah yang mengungkapkan konsep keanekaan, kemiripan, kumpulan atau kejamakan. Sebagai contoh, istilah “tingkap” adalah terjemahan daripada kata *window*, yang boleh sahaja diterjemahkan sebagai “tingkap” atau “jendela”. *Window* dalam bidang Teknologi Maklumat bukanlah merujuk “tingkap” yang ada di rumah, iaitu “lubang angin di dinding rumah dll. yang boleh dibuka dan ditutup” (Kamus Dewan Edisi Keempat: <http://prpm.dbp.gov.my>), tetapi kata tersebut mempunyai ciri atau sifat yang sama, iaitu **kawasan bersegi empat** pada tabir paparan komputer yang memaparkan sebahagian daripada gambar atau teks terpilih bagi fail tertentu **yang boleh dibuka dan ditutup** (Istilah Komputer, <http://prpm.dbp.gov.my>). Dalam hal ini, ciri yang sama merujuk “kawasan bersegi empat” kerana asalnya tingkap berbentuk segi empat dan “boleh dibuka dan ditutup” yang memang ciri tingkap yang sebenar. Begitu juga dengan istilah “sesawang”. Walaupun konsepnya dipinjam dan diterjemahkan daripada bahasa Inggeris *web* yang bermaksud sarang labah-labah, tetapi oleh



sebab istilah ini tidak merujuk kepada sarang labah-labah sebenar tetapi rupanya sama seperti jaringan sarang labah-labah, maka kata tersebut dipadankan dengan “sesawang”. Bentuk lain penggandaan separa adalah seperti yang berikut:

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bidang
rerambut	<i>capillary</i>	Biologi, Kejuruteraan, Fizik, Kimia, Hutan
sesungut	<i>antenna</i>	Biologi
sesalur	<i>trunk</i>	Kejuruteraan, Fizik
peparit	<i>chase</i>	IT, Kejuruteraan, Fizik
bebenang	<i>thread; strand</i>	Perhutanan, Kejuruteraan
bebuli	<i>bulb</i>	Fizik, Kejuruteraan
gegelung	<i>coil</i>	Kejuruteraan
lelemak	<i>shortening</i>	Perhutanan, Biologi
cecair	<i>liquid</i>	Kejuruteraan, Kimia, Bekalan Air
jejambat	<i>flyover</i>	Kejuruteraan
jejantas	<i>overhead bridge</i>	Kejuruteraan
lelangit	<i>Ceiling; tester; palate</i>	Biologi, Gigi, Linguistik, Hutan, Kejuruteraan
jejari	<i>Finger; radius</i>	Kejuruteraan, Matematik, Geografi
bebola	<i>ball</i>	Kejuruteraan
lelengan	<i>arm</i>	Matematik, Geografi, Aeroangkasa
bebawang	<i>bulbous</i>	Biologi, Kejuruteraan
kekacang	<i>pulse; bean</i>	Pertanian, Kejuruteraan, Veterinar
cecincin	<i>ring</i>	Kejuruteraan
gegelang	<i>bang</i>	Kejuruteraan
bebintik	<i>fleck</i>	Kesenian
rerayap	<i>creep</i>	Teknologi maklumat
jejerum	<i>needle</i>	Kejuruteraan, Geografi
sesondol	<i>camshaft</i>	Kejuruteraan
gegantung	<i>bunting</i>	Penerbitan
bebibir	<i>flange</i>	Sejarah, Perubatan, Kejuruteraan, Arkeologi
tetulang	<i>boning</i>	Jahitan, Penerbitan
cecangkuk	<i>cecangkuk</i>	Kesenian
gueua	<i>cavern</i>	Kejuruteraan, Bekalan Air
pepusar	<i>burl</i>	Kejuruteraan
tetuang	<i>horn; shaped reed</i>	Kejuruteraan
kekura	<i>instep</i>	Sukan, Komunikasi, Perubatan
geguli	<i>pebble</i>	Kejuruteraan
kekotak	<i>box</i>	Kejuruteraan
dedawai	<i>lead</i>	Perubatan, Farmasi
gegendang	<i>diaphragm, ear drum</i>	Biologi, Perubatan

Pada umumnya, penciptaan istilah jati mencerminkan kebolehan bahasa Melayu menyesuaikan persekitaran kognitif masyarakat Melayu dengan kemasukan unsur baharu. Penggubal istilah memilih kata Melayu untuk dipadankan dengan konsep dalam bahasa Inggeris dan kata tersebut melambangkan objek yang terdapat dalam persekitaran dan alam Melayu. Dalam hal ini proses penciptaan istilah memerlukan daya kreatif dan inovatif. Menurut Puteri Roslina (2012), inovatif bermaksud penciptaan istilah yang sama sekali baharu atau penciptaan yang memanfaatkan bentuk yang sedia ada dengan cara yang baharu.



Pembentukan Istilah Melalui Proses Rantaian

Selain daripada pembentukan istilah yang berasaskan struktur bahasa Melayu sendiri sehingga boleh menghasilkan banyak lagi istilah, kita ambil satu lagi contoh bagaimana peristilahan boleh berkembang berdasarkan bahasa kiasan Melayu. Di sini kita lihat bagaimana satu peribahasa mampu menghasilkan peranggu istilah dan kait-mengait pula dengan bidang lain. Peribahasa boleh dikatakan bersifat metafora. Metafora mempunyai asas untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa, bukan hanya lahir sebagai bunga-bunga bahasa tetapi mengandungi konsep yang tersirat. Ungkapan berkONSEP ialah ungkapan yang mempunyai nilai intelektual. Hassan Ahmad (2003) menggelarkan nilai intelektual ini sebagai akal budi atau kehalusan akal dan ini menjadi teras kepada pemahaman corak pemikiran Melayu.

Kita kupas dengan teliti apa yang dimaksudkan oleh Hassan Ahmad dengan kenyataan di atas. Hassan Ahmad (2003) telah menghuraikan bagaimana pemikiran masyarakat Melayu membentuk makna implisit melalui metafora. Tiga proses utama terlibat, iaitu (a) metafora dan hasilnya di mana pemikiran Melayu terbentuk melalui proses pengalaman, akliyah dan renungan, dan intuisi atau rasa hati sekali gus; (b) metafora Melayu dibentuk oleh manusia yang bijak dan pantas fikirannya; dan (c) metafora Melayu menghasilkan suatu sistem pandangan hidup bersama bangsa Melayu atau sistem rangkaian sosial pemikiran Melayu melalui evolusi sosial. Ketiga-tiga aspek ini memandu kepada penghasilan metafora Melayu.

Sebagai bahasa yang mempunyai sejarah yang begitu lama, dan juga yang menjadi bahasa peradaban yang menjangkau usia lebih daripada dua ribu tahun (Asmah, 2014) bahasa Melayu sudah pun mengungkapkan konsep-konsep khusus dalam bidang kehidupan penutur-penuturnya. Konsep-konsep ini dapat dikesan dari pada paradigma perkataan yang dapat dimasukkan dalam medan makna tertentu, yang juga dikenali sebagai istilah. Pengertian istilah sebagai kata saintifik baru muncul dengan adanya ilmu yang dibawa dari Barat, namun hal ini tidak bermakna bahawa istilah-istilah belum wujud sebelum munculnya bidang-bidang baharu. Istilah sudah wujud dalam pelbagai bidang kehidupan dalam alam Melayu, misalnya pertanian, kraf tangan, seni bina, ukiran, pelayaran, masakan, dan sebagainya. Dalam bidang pertanian, contohnya penanaman padi, istilah-istilah yang tercipta tidak terhad pada istilah yang berkaitan dengan tumbuhan padi itu sahaja, misalnya, *sawah, padi, beras, emping, daun, jerami, sekam, hampa, huma*, atau *nasi*; sebaliknya mencakup juga istilah-istilah dari pada bidang lain yang mempunyai kaitan dengan penanaman padi.

Hakikatnya, istilah yang berkaitan dengan pertanian padi ini sangat banyak, sesuai dengan kegiatan pertanian itu sendiri yang membentuk satu rangkaian atau kitaran, bermula daripada tempat menanam, proses menanam, alat yang digunakan, proses menuai, proses menyimpan, proses menjadi beras, proses selepas menanam. Setiap satu konsep yang berkaitan dengan kegiatan pertanian padi dipadankan dengan istilah yang berbeza. Contohnya:



Peralatan	
Tenggala Perlis	Palong
Dong	Sisir Panjang
Sisir Kapar	Keri
Kuku Kambing	Sisir Besi
Tenggala China	Pengiau
Cekam	Tenggiling
Pencakar	Orang-orang
Selayut	Ketam (Renggam)
Pengangin Padi	Lesong Tangan/Halu
Lesong Kaki/Hindik	Nyiru
Pengisar	Kepok/Jelapang
Gebok	Bakul Junjung
Anok	Ani-ani
Kandar	Gantang
Cupak	Leng
Kepoi	Cap
Proses kerja	
Menggala	Membadai
Menebah	berderau
Menampi	Merumput
Menghuroi	Mengangin
Membanting	Mengiau
Menghirik	Mengetam
Menuai	Menyulam
Merumput	Membaja
Memalung	Menekap
Memindah semai	Menggiling tanah
Menyisir	Menyemai
Menggala	Menajak
Hasil	
Padi huma	Padi gaga
Padi radin	Padi cere
Padi genjah	Padi berat
Padi kernap	Padi kukuh
Padi berdukung	Padi cerai
Padi ketam	Padi lekas
Padi apung	Padi hampa
Emping	ringgi
Padi renik	Padi
Kekalu	Galu-galu (gegalu)
Jejanggut padi	Semai-semai
Kedap	Sekam
Dedak	Beras
Hasil/perosak	
Ulat reratus/ulat ratus	Beluncas padi
Hama	Karah Padi
Hawar Seludang	Penyakit Merah Virus
Benang Perang	Kutu Bruang



Kewujudan istilah-istilah tersebut membuktikan bahawa penggubalan istilah, khususnya istilah jati telah wujud sebelum munculnya ilmu-ilmu moden. Bahkan rantai- an istilah pertanian penanaman padi ini tidak terhenti setakat itu. Rantaian tersebut berkait pula dengan proses industri yang lain. Contohnya, untuk menampi padi perlu ada alat yang dipanggil nyiru, yang terbuat daripada anyaman rotan (Kamus Dewan Edisi Ketiga: <http://prpm.dbp.gov.my>). Di sini muncul pula industri anyaman berserta istilahnya. Setelah padi dituoi, sekam dan jerami padi perlu dibersihkan dan biasanya dilakukan dengan cara membakar. Namun, akal budi Melayu tetap memanfaatkan bahan buangan yang dibakar tadi dengan membakar tembikar, lalu terwujud pula industri tembikar berserta istilah-istilahnya. Jadual 1 dan Jadual 2 masing-masing menunjukkan contoh istilah yang ada dalam industri kesenian tembikar dan anyaman.

Jadual 1: Istilah Tembikar (Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my>)

Istilah	Huraian
acuan tuang	Acuan plaster lembut yang digunakan untuk membentuk benda yang dibuat, dengan menuangkan tanah liat cair ke dalamnya.
bakaran	Jasad tempaan yang sedang atau baru sahaja melalui proses pembakaran.
biskut	Jasad tempaan yang sudah dibakar sekali dan belum atau tidak akan digerlis.
geginjal	Alat tempa daripada kayu, getah atau logam yang bentuknya menyerupai buah pinggang yang digunakan untuk membentuk dan meraut bahagian jasad tempaan yang melengkung.
gerlis	(1) Bahan kemasan tempa yang berupa cecair yang digunakan untuk menyadur jasad tempaan. (2) Kemasan permukaan jasad tempaan dengan menggunakan gerlis. Kadang-kadang disebut gerlis sahaja.
gombol	Bahagian leher tembikar, biasanya labu, yang membonjol atau lebih besar daripada bahagian lain leher tersebut. Di sesetengah tempat disebut sebagai kepala.
kobokan	Bekas yang berupa tempurung atau mangkuk plastik yang digunakan sebagai tempat air untuk melembapkan jasad tempaan.
penghitaman	Penyejukan berantara dengan mengambuskan bakaran dengan bahan berkarbon seperti sekam untuk menghasilkan tembikar yang berwarna hitam.
penyejukan berantara	Penyejukan bakaran dengan mengeluarkannya dari tempat pembakaran dan meletakkannya ke dalam bahan timbunan penyejukan seperti sekam atau serbuk gergaji.

Jadual 2: Istilah Anyaman (Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my>)

Istilah	Huraian
timpak	Bakul kandung letak daripada bemban, berbentuk silinder, bertapak bucu empat dan digunakan untuk menyimpan padi .
Lenjang	Bakul sikut daripada rotan, berbentuk silinder, beranyam rapat, dan digunakan untuk menyimpan dan mengangkut padi .
tikar bidai	Tikar daripada rotan dan kulit kayu, beranyam kasar, digunakan untuk menjemur padi .
Sahap	Penutup bakul yang dianyam daripada rotan atau kulit kayu dan



Istilah	Huraian
	bertelinga, digunakan untuk menuai padi .
Korob	Bakul kandung daripada rotan atau pelepas rumbia, berbentuk silinder, berkerangka, dan digunakan untuk membawa padi selepas dituai.
Komek/baging	Bakul amin daripada rotan atau bemban berbentuk kon, beranyam rapat, digunakan untuk membawa padi semasa menuai.
Badang	Nyiru bulat daripada buluh, beranyam gadas, bahagian tepi bingkai dihiasi anyam tulang belut, dan digunakan sebagai hiasan dinding, menampi padi.
Sawak	Bakul junjung daripada buluh, rotan atau kulit bemban, berbucu empat di bahagian tapak, bertukod dan berbingkai, dan digunakan untuk menakung padi huma ketika menuai.
Rombong	Bakul kandung daripada pandan atau mengkuang, berbucu lapan, pelbagai saiz, berpenutup sarung yang sama bentuk dengan badan dan digunakan untuk menyimpan padi .
serak	Bakul kandung daripada pandan atau mengkuang, berbucu empat, bermulut bulat lebih kecil daripada badan, berbingkai yang disisip dalam anyaman sebagai penyudah di bahagian mulut dan digunakan untuk mengisi padi atau beras .

Selanjutnya, dalam konteks perbincangan ini, kami berikan juga contoh hubungan rantaian peribahasa yang boleh mengaitkan bidang lain sehingga terbentuk rantaian istilah. Dua peribahasa yang diambil adalah ‘Kecil tapak tangan,nyiru saya tадahkan’ dan ‘bagai api dalam sekam’. Kita akan dapat bahawa rantaian peribahasa ini bukan sahaja mampu memberi nasihat malah mendedahkan kekreatifan dan akal budi orang Melayu mengurus sisa dan menjana ekonomi.

Kecil tapak tangan,nyiru saya tадahkan - Ingin mendapat sebanyak-banyaknya; sangat berbesar hati (<http://prpm.dpb.gov.my>)



Sumber imej: google imej

Huraian pertama adalah dengan mengupas mengikut semantik inkuisitif yang menggabungkan data, teori, kognitif, dan akal budi penurnya (Nor Hshimah, 2014).

- i. Peribahasa tersebut bermaksud untuk menerima sesuatu yang lebih besar atau sangat berbesar hati untuk menerima. Ini makna di peringkat pertama – umpama makna skrip yang tertulis.



- ii. Menghurai kognitif penutur – kenapa tapak tangan dan nyiru. Tapak tangan adalah anggota fizikal yang boleh digunakan untuk menadah sesuatu pemberian dalam kuantiti yang sedikit. Kenapa pula nyiru. Nyiru adalah umpama dulang kecil yang digunakan untuk menampi, mengalas barang mahupun menghidang. Ia ada pelbagai kegunaan. Bandingkan tapak tangan dengan nyiru. Tapak tangan bersaiz lebih kecil berbanding nyiru meskipun kedua-duanya boleh berfungsi untuk menadah. Jadi meskipun pemberian itu kecil, si penerima tetap berbesar hati. Ia boleh dikaitkan dengan imej saiz; iaitu yang besar itu baik yang kecil kurang baik. Ia menggambarkan juga perasaan si penerima.
- Analisis ini dianggap belum selesai. Ia terhenti di peringkat kognitif. Kognitif dan minda adalah dua perkara yang berbeza. Kognitif lebih berupa proses secara abstrak di dalam minda selepas terhasilnya *output* dalam bentuk pemikiran yang konkrit. Pemikiran yang konkrit ini kita panggil akal budi yang mencerminkan keintelektualan si penutur. Kita seharusnya dapat mengaitkan dengan akal budi masyarakat Melayu. Mengapa nyiru dipilih sebagai objek menggantikan tapak tangan.
- iii. Langkah ketiga ini dipanggil sebagai semantik inkuisitif yang berkaitan dengan kaedah ‘meneroka’. Kita boleh seterusnya mencari jawapan ‘apa kenapa, bagaimana’ sehingga tertonjol akal budi penuturnya. Nyiru adalah alat untuk menampi. Selalunya yang ditampi dalam masyarakat Melayu adalah padi. Tujuan menampi adalah untuk memisahkan beras dengan hampa selepas padi ditumbuk. Selepas ditampi akan terpisah sekam (hampa padi) daripada beras.
- iv. Perkaitan dengan akal budi Melayu: padi mempunyai bulu halus yang miang. Hampa/sebakam itu keras dan liat serta tidak boleh dimakan. Meskipun begitu sekam ini tidak dibuang begitu sahaja tetapi dijadikan unsur bakaran seperti membakar labu sayung. Ia adalah alat pembakar yang baik. Ini boleh dianalogikan kepada cara penerimaan kita pada pemberian orang. Apa yang diberikan akan ‘ditampi’, ditapis, direnungkan agar apa yang hendak diterima benar-benar bersih. Mungkin ada pemberian mempunyai unsur ‘miang’ yang boleh melukakan, ada yang keras dan liat yang boleh memudaratkan. Maka banyak pertimbangan yang harus dibuat sebelum menerima sesuatu pemberian daripada seseorang.
- v. Apa falsafah di sebaliknya? Peribahasa ini membawa pengajaran bahawa seseorang harus berfikir/menimbang terlebih dahulu sebelum menerima apa sahaja pemberian. Tidak semua yang datang itu baik mahupun buruk. Sekam adalah alat pembakar tetapi bakarannya adalah secara terselindung dengan hanya mengeluarkan asap tetapi pada masa yang sama akan memusnahkan apa yang dibakar. Ia boleh dikaitkan dengan peribahasa ‘api dalam sekam’. Pembakaran secara senyap hanya dengan mengeluarkan asap boleh diibaratkan sesuatu yang mempunyai maksud tersirat. Di situlah boleh kita kaitkan fungsi menampi tadi.



- vi. Begitu rapinya pemilihan objek antara tapak tangan, nyiru, sekam dan niat yang jahat itu tersimpul rapi berasaskan pemerhatian manusia dengan alam. Masyarakat terdahulu lebih bersifat mesra alam, bersahabat dengan alam dan secara tidak langsung menjadikan dunia ini ekosistem yang selamat untuk diduduki. Komposisi sekam adalah seperti berikut:



No.	Komponen	Peratusan berat (basis kering)
1	Air	0.00-11.00
2	Protein	1.75-6.38
3	Lemak	0.38-3.50
4	Nitrogen	25.80-37.84
5	Serat kasar	31.30-49.92
6	Abu	14.50-29.09
7	Pentose	19.80-26.00
8	Selulosa	31.20-42.20
9	Lignin	19.20-32.88

Jadual 3: Komposisi Sekam Padi

Contoh analisis di atas membuktikan bahawa kajian bahasa bukan setakat kajian permukaan sahaja. Banyak peringkat penganalisisan yang boleh dibuat sehingga boleh dikaitkan dengan ilmu sains dan sekali gus menjadikan kajian ini bersifat multidisiplin. Apabila masyarakat dan pembuat dasar dapat diperkenalkan dengan kaedah seumpama ini, barulah mereka merasakan bahawa memang ada ilmu di sebalik peribahasa ini dan bahasa kiasan yang lain. Bahasa kiasan tidak dicipta secara santai tetapi teradun ilmu yang sempurna termasuklah dengan memasukkan ekosistem objek yang dibicarakan tadi. Di sini jugalah teradun sekali istilah-istilah berkaitan yang mendasari ilmu perbincangan. Inilah cara kajian yang mengandungi unsur perekayasaan yang boleh melestarikan BM sebagai bahasa yang kekal relevan.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, istilah pertanian penanaman padi turut mengungkapkan rantaian peribahasa. Dalam bahasa Melayu banyak peribahasa yang berkaitan dengan padi, contohnya:

Bil	Peribahasa	Bidang Ilmu
1	bagai api dalam sekam	Kimia, Pertanian, Perhutanan, Biologi,
2	tanam padi tumbuhnya lalang	Pertanian, Perhutanan
3	ikut resmi padi semakin berisi semakin tunduk	Pertanian, Budaya
4	melukut di tepi gantang	Matematik
5	menggantang asap mengukir langit	Matematik, Kimia
6	Dikulum menjadi manikam, dimuntahkan menjadi sekam	Permata, Perubatan
7	Sekam menjadi hampa berat	Pertanian, Matematik
8	Tiada terbawa sekam segantang	Pertanian, Matematik
9	Padi sekepuh hampa, emas seperti loyang, kerbau	Pertanian, Tembaga,



Bil	Peribahasa	Bidang Ilmu
	sekandang jalang	Zoologi
10	Manikam sudah menjadi sekam	Permata, Pertanian
11	Air diminum terasa duri, nasi dimakan terasa sekam	Permakanan, Pertanian
12	Seperti tikus masuk roman / sekam	Haiwan, Pertanian
13	Padi rebah, paksa tekukurlah	Haiwan, Pertanian
14	Padi masak, jagung mengupih	Pertanian, Ekonomi
15	Padi dikebat dengan daunnya	Pertanian
16	Padi setangkai bernas semuanya	Pertanian
17	Padi selumbung dimakan orang banyak	Permakanan, Pertanian
18	Menyokong padi hendak rebah	Pertanian, Fizik
19	Menyisip padi dengan lalang	Pertanian
20	Seperti ilmu padi hampa, makin lama makin mencongak	Pertanian, Ekonomi

(Sumber: Himpunan Peribahasa Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my>)

Daripada seperanggu peribahasa ini, akan terhasilah sejumlah besar istilah bidang ilmu yang lain yang pastinya dapat digunakan demi pembinaan bidang ilmu itu sendiri.

Kesimpulan

Pembinaan ilmu mesti bermula daripada masyarakat penggunanya sendiri. Perbincangan di atas membuktikan bahawa masyarakat Melayu sudah boleh membina ilmu. Peristilahan dibentuk mengikut kreativiti penutur dan masyarakat setempat. Inilah yang dikatakan dalam semantik kognitif bahawa sebagai manusia membentuk imej mereka melalui pengalaman jasadiah (*bodily experience*). Melalui pengalaman seharian manusia membentuk istilah yang sesuai dan kena pada bidangnya. Penggunaan ganda separa analogi yang mengekalkan makna dan mengubah makna sangat kreatif malah mengetengahkan akal budi penuturnya. Ini adalah gambaran kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam membina tamadun ilmu. Pembentukan istilah berantai mengesahkan lagi kebolehan orang Melayu mengasah minda demi kelangsungan ilmu dan hidup mereka.



Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1986. *Alam dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2014. *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M.Simin. 1993. *Sintaksis wacana 'yang'dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Anyaman: <http://prpm.dbp.gov.my>
- Glosari Tembikar: <http://prpm.dbp.gov.my>
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Istilah bahasa Melayu:<http://prpm.dbp.gov.my>
- Istilah Komputer: <http://prpm.dbp.gov.my>
- Kamus Dewan Edisi 4: <http://prpm.dbp.gov.my>
- Kim Ann Zimmermann. <http://www.livescience.com/21491-what-is-a-scientific-theory-definition-of-theory.html> [dicapai 12 Jan. 2015]
- Nik Safiah Karim dll. 2004. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. Semantik dan Akal Budi Melayu. Penerbit UKM: Bangi.
- Puteri Roslina Wahid. 2012. *Menelurusи Peristilahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM
- R. Wilk. 2010 'Consumption embedded in culture and language: implications for finding sustainability'. *Journal of Sustainability: Science, Practice and Policy*, vol 6 (2). <http://www.sspp.proquest.com/archives/vol6iss2/0912040.wilk.html> dicapai 9 Jan. 2015]

